

# Projek pengangkutan awam diterus

**P**UTRAJAYA: Kerajaan tidak membatalkan atau menangguhkan projek meningkatkan mutu khidmat pengangkutan awam walaupun dana RM4.4 bilion hasil pengurangan subsidi minyak semakin berkurangan berikutan kenaikan berterusan harga komoditi itu di pasaran dunia.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengengeruskan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penambahbaikan Pengangkutan Awam, akan mengadakan mesyuarat pertama bulan depan bagi memperincikan butiran lanjut mengenai projek untuk dilaksanakan di seluruh negara itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, berkata kerajaan akan memikirkan kaedah lain bagi menampung perbelanjaan selepas angka penjimatan itu kini tidak lagi pada tahap RM4.4 bilion.

"Bila kita buat keputusan itu (Mac lalu), harga minyak adalah AS\$61 setong, kini harganya sudah melebihi AS\$70 setong. Dengan kenaikan harga minyak, amat sukar untuk kita mendapat jumlah sama, (RM4.1 bilion) hasil penjimatan minyak.

"Mesyuarat bulan depan akan mencari jalan lain kerana kerajaan komited mempertingkatkan sistem pengangkutan awam, bukan saja di Lembah Klang, malah di seluruh negara," katanya selepas majlis penyampaian anugerah khidmat cemerlang kementerian di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas perkembangan terkini projek memperbaiki mutu sistem pengangkutan awam menggunakan dana RM4.4 bilion itu seperti diputuskan Kabinet sebelum ini.

Kabinet pada 15 Mac lalu meluluskan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam

(KWAPA) dengan peruntukan RM4.4 bilion, iaitu anggaran jumlah penjimatan daripada pengurangan subsidi minyak. bagi menambah baik sistem pengangkutan awam.

Dana itu digunakan bagi membiayai projek meningkatkan mutu pe-

## FAKTA NOMBOR

Penambahbaikan mutu pengangkutan awam

# RM4.4b

Dana menambahbaik mutu sistem pengangkutan awam

# AS\$70

Harga setong minyak

ngangkutan awam seperti menambah baik sistem integrasi pengangkutan awam termasuk has. sistem transit aliran ringan (LRT), monorel dan komuter.

Ia berikutan langkah kerajaan menaikkan harga runcit petrol dan diesel sebanyak 30 sen seliter serta harga runcit gas petroleum cecair (LPG) sebanyak 30 sen sekilogram berkuat kuasa 28 Februari lalu,

April lalu, Perdana Menteri berkata kerajaan mungkin membabitkan sektor swasta dalam melaksanakan projek berkenaan menerusi kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) berikutan penjimatan subsidi minyak semakin berkurangan.

Menjawab soalan, Chan berkata mesyuarat bulan depan itu juga akan mencari mekanisme terbaik untuk melaksanakan projek berkenaan menerusi kaedah PFI.